

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	DUA KILANG HARAM PROSES TAYAR TERPAKAI, BATU BATA DISERBU MPS
	SUMBER	BH (22 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

## Dua kilang haram proses tayar terpakai, batu bata diserbu MPKS

**Shah Alam:** Dua kilang yang memproses tayar terpakai dan batu bata beroperasi tanpa kebenaran diserbu Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dalam operasi bersepadu dekat Jeram, Kuala Selangor.

Operasi dari jam 9 pagi hingga 3 petang itu disertai 42 petugas pelbagai jabatan bersama agensi teknikal termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN); Jabatan Alam Sekitar (JAS); Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor; Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Jurucakap MPKS berkata, sepanjang operasi pada Rabu itu, penguatkuasaan diambil mengikut Seksyen 109 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kerana tidak mematuhi notis serta Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana mendirikan bangunan tanpa kebenaran.

"Jabatan Kesihatan & Persekitaran MPKS turut mengambil tindakan mengikut UUK 17, UUK 22 dan UUK 32 Undang-Undang Kecil PTPP (MDKS) 2007 berhubung kebersihan, pelepasan kumbahan dan kacau ganggu habuk serta bunyi.

"Tindakan lanjut membabitkan pengeluaran notis mengikut Seksyen 82(5) Akta 133 terhadap aktiviti menyebabkan kacau ganggu kepada persekitaran. JAS pula mengeluarkan Notis Arahan di bawah Seksyen 31



Antara jentera yang disita MPKS dalam operasi bersepadu dekat Jeram, Kuala Selangor.

(Foto ihsan MPKS)

dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk tujuan siasatan berkaitan pelepasan udara," katanya, semalam.

MPKS memaklumkan, Jabatan Perancangan Pembangunan dan PDT Kuala Selangor turut mengambil tindakan susulan di bawah kategori Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) bagi memastikan proses pematuhan dilaksanakan pemilik premis.

Katanya, tindakan kompaun dan notis, operasi ini turut membabitkan pemotongan dan rampasan meter air oleh Air Selangor selepas mendapat kelulusan SPAN.

Bagi bekalan elektrik, TNB

Kuala Selangor membuat semakan pemilikan meter dan mengambil maklumat lengkap bagi proses pengeluaran notis pemotongan bekalan elektrik, mengikut prosedur yang ditetapkan tanpa melakukan pemotongan serta-merta di lokasi.

"Melalui operasi ini, MPKS berjaya melaksanakan dua tindakan penutupan premis serta mengeluarkan empat kompaun membabitkan pelbagai peruntukan undang-undang tempatan.

"Secara keseluruhannya, 17 peralatan perniagaan dan jentera yang digunakan dalam operasi pengeluaran kilang itu disita," katanya.

2.	TAJUK	'UMPAMA JAGA KEHIDUPAN' MENANAM POKOK DEMI KESELESAAN GENERASI MASA DEPAN
	SUMBER	HARIAN METRO (24 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	38 (WM)

Oleh Amir Abd Hamid  
[amir.hamid@metrometro.com.my](mailto:amir.hamid@metrometro.com.my)

Dunia hari ini bergelut dengan perubahan iklim, kepupusan spesies dan kehancuran habitat semula jadi.

Namun, dalam hiruk-pikuk kehidupan moden, ramai yang terlepas bahawa flora tumbuhan di sekeliling kita memainkan peranan kritikal dalam memastikan kehidupan terus seimbang.

Flora bukan sekadar pokok yang menghijaukan taman atau bunga yang cantik dipandang mata. Ia adalah nadi kepada ekosistem, penyumbang oksigen, pengawal tanah daripada hakisan, sumber makanan, perubahan dan bahkan penstabil iklim.

Ia adalah tulang belakang ekosistem, penyumbang kepada keseimbangan iklim, pengawal tanah daripada hakisan, sumber makanan, perubahan dan khazanah biologi yang sangat kritikal kepada manusia dan planet ini.

Dalam dunia yang semakin menghadapi cabaran perubahan iklim, pemusnahan habitat dan kehilangan biodiversiti, menjaga flora adalah satu keperluan yang sangat mendesak.

Berdasarkan data Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mendapati, Malaysia mempunyai lebih 15,000 spesies tumbuhan berbunga, selain paku-paku dan pokok unik lain, menjadikan negara ini satu daripada 17 negara mega-biodiversiti di dunia.

Setiap pokok yang tumbuh, setiap akar yang menancap di bumi, bukan sahaja menstabilkan tanah tetapi juga membantu kita bernafas lebih sihat.

#### HIDUP BERGANTUNG PADA TUMBUHAN

Tumbuhan adalah pengeluar utama dalam rantai makanan.

Tanpa flora, herbivor tidak akan wujud, pemangsa tidak akan bertaham dan keseimbangan ekosistem akan terganggu.

Malah, banyak ubat tradisional dan moden berasal daripada tumbuhan.

Kira-kira 80 peratus penduduk dunia masih bergantung kepada ubatan berasaskan tumbuhan.

Bayangkan jika pokok-pokok ini pupus, generasi akan datang mungkin kehilangan akses kepada



FLORA bukan sekadar pokok yang menghijaukan taman atau bunga yang cantik dipandang mata. Ia adalah nadi kepada ekosistem.



TAMAN negara, hutan simpan dan kawasan perlindungan menjadi tarikan pelancong, seterusnya menggerakkan ekonomi setempat.



TANPA flora, herbivor tidak akan wujud, pemangsa tidak akan bertaham, dan keseimbangan ekosistem akan terganggu.

rawatan semula jadi yang telah wujud beribu tahun. Di Malaysia, flora tempatan juga menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

Spesies liar atau pokok hutan menjadi sumber genetik untuk tanaman pertanian seperti durian, Rambutan dan Langsat.

Kepelbagaian ini memastikan tanaman boleh tahan terhadap penyakit dan perubahan cuaca ekstrem.

Selain itu, tumbuhan berfungsi sebagai 'penampung' semula jadi terhadap bencana.

Peta bakau di pantai membantu menahan banjir dan ribut, manakala hutan simpan mengurangkan risiko tanah runtuh.

Tumbuhan juga menyerap karbon dioksida, menjadikannya penyumbang utama dalam usaha mengesahkan pemanasan global.

#### FLORA DAN KEHIDUPAN SOSIAL

Ragi penduduk bandar, pokok di tepi jalan atau taman mungkin hanya sekadar hiasan.

Tetapi bagi masyarakat luar bandar atau komuniti Orang Asli, tumbuhan adalah sumber ekonomi, makanan dan budaya.

Contoh, penanaman herba tempatan bukan sahaja mengekalkan tradisi perubahan, malah membuka peluang pendapatan melalui jualan dan ekopelancongan.

Tumbuhan juga menyumbang kepada sektor pelancongan. Taman negara, hutan simpan dan kawasan perlindungan menjadi tarikan pelancong, seterusnya menggerakkan ekonomi tempatan.

Pemeliharaan flora secara langsung menyokong perkhidmatan ekosistem seperti pendebungaan, kawalan perosak dan penstabil iklim.

#### RANCAMAN FLORA DI MALAYSIA

Namun, flora negara tidak terlepas daripada ancaman.

Pembalakan haram, pembangunan tidak mampan dan perubahan guna tanah boleh memusnahkan habitat semula jadi.

Tanpa pemuliharaan aktif, generasi akan datang mungkin hanya melihat tumbuhan ini di muzium atau buku teks.

#### USAHA MENYELAMAT FLORA

Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tempatan sudah memulakan pelbagai inisiatif.

Antara langkah yang dijalankan ialah memperluas kawasan perlindungan seperti taman negara, rizab hutan dan koridor hijau, membekalkan bank benih untuk menyimpan genetik tumbuhan serta pendidikan masyarakat mengenai kepentingan flora.

Program komuniti seperti penanaman pokok, agroforestry dan kebun komuniti juga semakin popular.

Menanam pokok bukan sekadar hijaukan bandar. Ia menanam masa depan untuk anak cucu kita.

Menjaga flora bukan sahaja soal biologi, tetapi tanggungjawab moral dan sosial.

Daripada udara yang kita sedut, makanan yang kita makan, hingga bencana yang mungkin kita hadapi, semuanya berkait rapat dengan keberadaan tumbuhan.

Malaysia, dengan kekayaan biodiversitinya, berada di posisi strategik untuk menunjukkan kepada dunia bahawa pemuliharaan flora bukan sekadar pilihan, tetapi keperluan.

Melalui kerjasama antara kerajaan, saintis, NGO dan masyarakat, flora negara bukan sahaja dapat dipelihara, malah dijadikan aset lestari untuk generasi kini dan akan datang.

3.	TAJUK	ANGKAT PERANAN MASJID PELIHARA BIODIVERSITI, KELESTARIAN ALAM
	SUMBER	BH (25 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

# Angkat peranan masjid pelihara biodiversiti, kelestarian alam

**Shafry Salim,**  
Pegawai  
Pusat Islam  
Universiti Tun  
Hussein Onn  
Malaysia  
(UTHM)

**Hari Biodiversiti Antarabangsa** tahun ini mengetengahkan tema *'Be Part of the Plan'*, menyeru masyarakat untuk bergiat aktif dalam usaha memelihara dan memulihara biodiversiti dunia.

Malaysia sebagai salah satu daripada 17 negara mega biodiversiti dunia, menempatkan lebih 20 peratus spesies haiwan global dan memiliki hutan tropika berusia lebih 100 juta tahun.

Dalam usaha memelihara kekayaan alam ini, institusi masjid di Malaysia berpotensi memainkan peranan penting dan tersendiri sebagai pusat pendidikan, kesedaran dan tindakan komuniti dalam pemuliharaan biodiversiti.

La selaras dengan prinsip Islam yang menekankan keseimbangan dan kelestarian alam. Islam menyatakan manusia adalah khalifah di bumi dan bertanggungjawab memakmur serta menjaga alam sekitar.

Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 61 bermaksud: *Dia (Allah) menjadikan kamu daripada bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya.*

Ayat ini menekankan tanggungjawab manusia mengurus dan memelihara bumi dengan bijaksana, termasuk menjaga biodiversiti, sebahagian daripada ciptaan Allah.

Dengan lebih 6,000 masjid dan lebih 17,000 surau di seluruh negara, institusi ini mampu memainkan peranan besar mendidik masyarakat kepentingan memelihara alam sekitar dan biodiversiti.

Standard Penarafan Masjid Malaysia diperkenalkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menekankan aspek pengurusan persekitaran sebagai salah satu komponen penilaian.

Ini termasuk pengurusan sisa, penggunaan tenaga efisien dan pemeliharaan landskap hijau di kawasan masjid. Dengan mematuhi garis panduan ini, masjid bukan sahaja meningkatkan kualiti persekitaran, tetapi turut menyumbang usaha pemeliharaan biodiversiti.

Program 'Masjid Hijau' dilaksanakan dengan kerjasama Malaysia Green Technology and Cli-

mate Change Corporation (MGTC) berupaya memperkasakan peranan masjid dalam kelestarian alam.

### Galak masjid guna teknologi hijau

Melalui program ini, masjid digalakkan mengamalkan teknologi hijau seperti penggunaan tenaga solar, sistem pengumpulan air hujan dan pengurusan sisa efisien.

Beberapa masjid di Malaysia melaksanakan aktiviti menyokong pemeliharaan biodiversiti. Sebagai contoh, Masjid Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur melaksanakan program 'Baja Kompos Ramadan Barakah' untuk mengitar semula sisa makanan menjadi baja kompos. Inisiatif ini bukan sahaja memanfaatkan sisa

makanan, tetapi juga menyumbang kepada kesuburan tanah dan pemeliharaan ekosistem.

Inisiatif ini harus diperluaskan ke masjid di seluruh negara memandangkan aktiviti jamuan sangat dekat dengan pelbagai pengisian program di masjid. Apabila ada jamuan sudah pasti terdapat sisa makan terbuang.

Jamuan juga biasanya disertai dengan pembuangan bekas makanan dan minuman diperbuat daripada plastik, kertas ataupun polisterin.

Oleh itu, penghasilan produk daripada sisa buangan adalah salah satu usaha pemeliharaan biodiversiti yang boleh digerakkan oleh pihak masjid.

Dari sudut penggunaan air bagi tujuan mengambil wuduk, wujud potensi besar bagi penyelidik membuat kajian supaya air wuduk dapat digunakan semula bagi tujuan lain seperti menyiram pokok, membersihkan tandas dan sebagainya.

Ketika ini, wujud keperluan untuk masjid berfungsi sebagai pusat pelupusan naskhah al-Quran lama yang sebelum ini lebih banyak menggunakan kaedah pembakaran.

Terdapat beberapa penyelidik termasuk dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menghasilkan mesin insinerator naskhah al-Quran patuh syariah.

Sekiranya pusat insinerator al-Quran ini dapat ditingkatkan jumlahnya, naskhah lama atau rosak dapat diuruskan dengan cara lebih mesra alam dan pada masa sama memenuhi keperluan syarie.

Program pendidikan alam sekitar juga perlu dijadikan pengisian sampingan di masjid. Masjid boleh menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam projek atau aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Paling penting, masjid boleh memainkan peranan menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) melalui penggunaan tenaga boleh diperbaharui dengan memasang panel solar dan menggunakan teknologi hijau lain.

Sempena Hari Biodiversiti Antarabangsa 2025, wajar untuk memperkukuh peranan masjid bagi memastikan kelestarian alam untuk generasi akan datang.



Masjid digalakkan guna teknologi hijau bagi memastikan kelestarian alam untuk generasi akan datang.

4.	TAJUK	BERPOTENSI JADI PENCETUS PENYAKIT : LONGGOK SISA PLASTIK
	SUMBER	BH (27 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	1 (MUKA DEPAN)



5.	TAJUK	ANCAMAN SENYAP KESIHATAN RAKYAT, EKOSISTEM NEGARA
	SUMBER	BH (27 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	2 (LAPORAN KHAS)

## laporan khas



KONTENA mengandungi sisa plastik dari luar negara yang menimbulkan risiko lambakan sisa plastik tidak terkawal yang boleh menjejaskan alam sekitar dan kesihatan awam.

### Ancaman senyap kesihatan rakyat, ekosistem negara

**Kuala Lumpur:** Di sebalik deretan kontena yang dibawa masuk ke negara ini, terselit ancaman senyap terhadap kesihatan rakyat dan ekosistem.

Malaysia kini dikatakan terus dibanjiri sisa plastik haram yang bukan sahaja mencemarkan tanah dan sungai, malah berpotensi menjadi punca penyakit kronik termasuk kanser.

Pakar Toksikologi, Prof Dr Mustafa Ali Mohd berkata, kebanyakan sisa plastik yang masuk tanpa kebenaran terdiri daripada bahan tercemar, tidak boleh dikitar semula atau mengandungi toksin berbahaya.

"Apabila sisa ini dibakar, ia melepaskan asap beracun serta bahan kimia seperti dioksin dan furan yang boleh menyebabkan masalah pernafasan serta kanser dalam jangka panjang.

"Lebih membimbangkan bahan kimia toksik daripada sisa ini turut meresap ke tanah dan air, diserap tanaman dan haiwan, akhirnya masuk ke dalam rantai makanan manusia.

"Ia juga memasuki ke dalam air minuman melalui bekalan air yang disediakan daripada sumber air sungai yang dirawat.

"Proses rawatan air di Malaysia tidak mampu menyalak sisa plastik dari dalam air," katanya yang mengulas mengenai ancaman senyap kesian daripada sisa plastik haram dibawa masuk ke negara ini kepada Harian Metro, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mustafa berkata, pendedahan kepada mikroplastik menjadi ancaman baharu apabila ia me-



BAHAN kimia toksik daripada sisa plastik boleh meresap ke tanah dan air.

masuk tubuh manusia melalui makanan laut, air minuman dan udara yang menyebabkan tekanan oksidatif, keradangan dan gangguan hormon.

"Mikroplastik yang terhasil daripada sisa plastik terurai boleh dimakan hidupan laut seperti ikan, udang dan burung laut. Ini menyebabkan gangguan sistem pencernaan dan boleh membawa maut kepada haiwan itu.

"Mikroplastik yang dimakan hidupan laut boleh terkumpul dalam tisu dan akhirnya dimakan manusia sehingga menyebabkan kesan kesihatan jangka panjang seperti keradangan dan gangguan metabolik selain obesiti dan gangguan dalam perkembangan kognitif kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak boleh lagi dijadikan se-

bagai 'tong sampah' dunia apabila statistik rampasan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) membaktikan negara semakin terancam kerana sering dijadikan sasaran negara luar bagi membuang sisa plastik.

"Kastam pernah mengagalkan 10 cubaan menyeludup sisa plastik ke negara ini termasuk rampasan besar 35 tan sisa plastik di Pelabuhan Klang pada Ogos 2024 dengan Amerika Syarikat sahaja mengesport lebih 35,000 tan sisa plastik ke Malaysia sekali gus menunjukkan negara ini masih menjadi sasaran utama bagi pelupusan sisa asing.

"Kerajaan perlu bertindak lebih tegas dengan menghasratkan sepenuhnya import sisa plastik dari negara yang tidak mematuhi Konvensyen Basel," katanya.

## TAKTIK LICIK TAPI KANTOI

Kastam patah 50 cubaan seludup dua juta kg sisa plastik bernilai RM5.57 juta sejak 2023



6.	TAJUK	SIRIM JADI BADAN TUNGGAL KELUAR CoA
	SUMBER	BH (27 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (LAPORAN KHAS)

Oleh Sri Ayu Kartika Amri, Muhsamad Hafis Nowawi dan Mahazura Abd Malik [am@metron.com.my](mailto:am@metron.com.my)

**Kuala Lumpur**

Mengisyitarkan nama barangan paku dalam Ikrar Pengkikaran Kastam, walhal isi sebenar kontena mengandungi sisa plastik yang dilarang masuk tanpa kebenaran.

Ini modus operandi sindiket bagi mengahuri mata pihak berkuasa untuk memastikan sisa plastik dari luar negara melepasi pintu masuk utama Malaysia.

Taktik licik itu bukan sahaja menyukarkan pemeriksaan fizikal di pintu masuk negara, malah turut menimbulkan risiko lambakan sisa plastik tidak terkawal yang boleh menjejaskan alam sekitar dan kesihatan awam.

Bagaimanapun, belah pengimport menyedap masuk sisa plastik ke negara ini terbongkar apabila Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengadakan 50 cubaan penyeludupan sejak 2023 hingga 30 Jun lalu membabitkan hampir dua juta kilogram (kg) sisa plastik dengan nilai melebihi RM5.57 juta.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zaimudin berkata, modus operandi itu dilakukan secara sistematis kerana dianggap cara paling mudah untuk melepasi pintu masuk negara.

"Modus operandi yang dikenal pasti dalam kebanyakan kes ialah

membuat pengiklanan tidak benar semasa proses pengimportan.

"Mereka menyatakan barangan lain dalam borang bagi mengahuri pihak berkuasa," katanya kepada Harian Metro.

Mengulas lanjut, Anis Rizana berkata, data rasmi JKDM merokodkan peningkatan kes yang drastik bermula 2023 hingga 2025.

"Pada 2023, sebanyak empat kes rampasan direkodkan membabitkan 364,382kg sisa plastik bernilai RM474,360.48.

"Jumlah ini meningkat kepada 17 kes pada 2024 membabitkan 612,312kg sisa plastik yang bernilai kira-kira RM1,440,276.50.

"Bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 pula, sebanyak 29 kes dicatatkan membabitkan 1,018,506.20 kg sisa plastik dengan nilai anggaran RM3,660,090.10," katanya.

Menurutnya, peningkatan 70.6 peratus bilangan kes yang direkodkan pada separuh pertama tahun ini berbanding keseluruhan 2024 mencerminkan komitmen berterusan JKDM dalam memperkuatkan keberkesanan pemeriksaan dan pengesanan di semua pintu masuk negara.

Beliau berkata, sebelum ini, sisa plastik disenaraikan sebagai barang larangan import yang memerlukan lesen import daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah Butiran 12, Jadual Kedua, Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

"Namun, mulai 1 Julai 2025, selaras dengan pindaan perundangan di bawah Butiran 6, Jadual Keempat, Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan)

2025, pengimportan sisa plastik kini memerlukan Certificate of Approval (CoA) yang dikeluarkan SIRIM Berhad," katanya.

Malaysia antara negara mengimport sisa plastik yang boleh dikitar semula dengan 62 syarikat mempunyai Permit Import (AP) sisa plastik dikeluarkan JPSPN bagi membawa masuk dan proses scrap plastik di negara ini.

Bagaimanapun syarat ketat dikenakan untuk membawa masuk dan memproses sisa plastik itu antaranya kebenaran import hanya diberi kepada pengimport yang mempunyai premis dan menjalankan aktiviti pemprosesan atau kitar semula sisa plastik import.

Mengikuti syarat premis pemprosesan scrap plastik kod tarf 1915, pemegang AP yang diluluskan untuk mengimport scrap plastik hanya dibenarkan menyimpan dan memproses scrap plastik di premis dinyatakan di surat kelulusan pengesport (pembekal) scrap plastik sahaja.

**Modus operandi yang dikenal pasti dalam kebanyakan kes ialah membuat pengiklanan tidak benar semasa proses pengimportan. Mereka menyatakan barangan lain dalam borang bagi mengahuri pihak berkuasa"**

Anis Rizana



## SIRIM jadi badan tunggal keluar CoA

Shah Alam: Bermula 1 Julai lalu, SIRIM Ihd diberi mandat untuk menjadi badan pemeriksa tunggal dan pengeluaran sijil kelulusan (CoA) bagi import sisa plastik ke Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International, TS Md Adha Rahmat berkata, selari dengan aspirasi kerajaan untuk memperkuatkan pelaksanaan ekonomi kitaran dalam sektor perindustrian dan menggalakan pertumbuhan hijau serta daya tahan iklim, Malaysia meningkatkan usaha untuk mengawal selia import sisa plastik ke negara ini dengan lebih baik.

"Berpandukan prinsip ketelusan, tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang, Malaysia terbuka untuk mengeluarkan CoA bagi pengimportan sisa plastik.

"Dengan syarat pengimport memenuhi semua syarat di bawah undang-undang Malaysia, mematuhi keperluan yang digariskan di dalam garis panduan pengimportan dan pemeriksaan sisa plastik yang dikeluarkan oleh SIRIM, negara yang telah menandatangani dan meratifikasi The Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal ataupun negara yang mempunyai perjanjian dengan Malaysia mengenai pergerakan rentas sempadan sisa plastik.

"Proses sama dalam pengimportan e-waste (proses pengimportan e-waste di bawah Jabatan Alam Sekitar) akan digunakan dalam import sisa plastik bagi mengelak bahan berbahaya dibawa masuk," katanya dalam temubual eksklusif bersama Harian Metro, baru-baru ini.

Md Adha berkata, pihaknya tidak mahu kemasukan sisa plastik yang tidak diketahui kandungan di dalamnya dan dibimbangi berbahaya kepada negara.

MALAYSIA antara negara mengimport sisa plastik yang boleh dikitar semula dengan 62 syarikat mempunyai AP sisa plastik.



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**